

BAB TIGA

3.0 Pemikiran Pascamodenisme

Dunia hari ini berada dalam arus kepesatan perkembangan teknologi informasi dan komunikasi, di samping perkembangan sains dan teknologi yang telah sedia lama mengiringi perkembangan kehidupan manusia. Bagaimana pesatnya perkembangan arus teknologi ini, begitu jugalah hebatnya penyebaran berbagai aliran pemikiran khususnya pascamodenisme di seluruh dunia. Rata-rata masyarakat di dunia hari ini masih samar-samar dengan kehadiran pascamodenisme dalam kehidupan mereka, namun tanpa disedari mereka telah dilingkungi oleh pola pemikiran tersebut dan mengamalkanya tanpa mempersoalkannya.

Hari ini penerimaan terhadap pelbagai bentuk aliran pemikiran barat sudah menjadi lumrah dan diterima seperti laluan arus sungai tanpa henti. Dalam bentuk skeptik-dekonstruksi, pascamoden telah tampil dengan gaya wiranya untuk menentang segala bentuk pemikiran moden yang mendakwa adanya kebenaran tunggal yang berfungsi sebagai pusat pemikiran mansua. Oleh itu idiom-idiom pluralisme dan relativisme radikal sering dikedepankan untuk mengiringi gerakan dekonstruksi.

Sepertimana aliran-aliran pemikiran yang lain, begitu juga pascamoden turut mempunyai ciri-cirinya yang tertentu. Dalam buku Falsafah Kalam di Era Postmodernisme, (M.Amin Abdullah,1995:104) menyatakan bahawa ada tiga asas khusus yang menunjangi pemikiran pascamoden iaitu *Deconstructionism, Relativism dan Pluralism*.⁵⁷ Steven Seidmen dan Akhbar S. Ahmad dalam karya mereka turut menambah beberapa ciri lagi untuk

menggambarkan pemikiran pascamodernisme dengan lebih jelas. Contohnya seperti anti-realisme dan permainan bahasa.

3.1 Asas Pemikiran Pascamoden

3.1.1 Dekonstruksionisme

Istilah *Deconstructionism* telah diperkenalkan oleh Jacques Derrida melalui bukunya yang berjodol *The Truth In Painting* of 1978. Istilah ini digunakan oleh Derrida dalam usaha untuk melakukan pembongkaran terhadap sesuatu perkara yang dikatakan benar samada yang terkandung dalam ucapan, tulisan dan teks. Baginya tulisan adalah alternatif kepada ucapan. Tulisan dapat menjadi sebuah permainan bebas, wujud unsur-unsur tertentu dalam bahasa dan komunikasi yang menjadikan pihak lain dapat memahami apa yang bakal disampaikan.

Tulisan ini juga adalah pergerakan makna yang berterusan dan lazimnya ia akan semakin jauh dari maksud yang terdapat dalam teks asal. Contohnya teks kitab suci telah berubah memandangkan teks asalnya telah lenyap. Memiliki karektor tersendiri, dekonstruksi di katakan sebagai⁵⁸ :

'...attack not only the internal edifice, both semantic and formal of philosophemes, but also.....its extrinsic conditions of practice, the historical forms of its pedogogy, the social, economic or political structures of this pedagogical institution'(Margaret A.Rose,1991:41).

Kenyataan ini telah dijelaskan oleh Jacques Derrida dalam karyanya *The Postmodern Condition of 1979*. Christopher Norris salah seorang daripada pengkaji istilah dekonstruksi turut menyatakan bahawa selain daripada karektor di atas, dekonstruksi juga dikatakan sebagai "*exclusive or privileged orders of valorization and of the authorial point of view*"⁵⁹ (Margaret A. Rose 1991). Seterusnya Norris menambah wujud lagi karektor tambahan kepada dekontruksi iaitu:⁶⁰

'access to truths which literature can only obscure and pervert by its dissimulating play with language and fiction and shows both philosophy and scientific thought to be bound up with linguistic structures which crucially influence and complicate their logical workings.'
 (Margaret A. Rose, 1991:41)

Akhirnya dalam menyimpulkan keseluruhan karektor yang wujud Norris menjelaskan bahawa:⁶¹

'Deconstruction is the first and last a textual activity, a putting-into-question of the root metaphysical prejudice which posits self-identical concepts outside and above the disseminating play of language.'
 (Margaret A. Rose, 1991).

Sebelum lahirnya teori dekonstruksi ini telah wujud teori-teori yang lebih besar atau '*Grand Theory*' seperti teori positivism August Comte dalam memahami ilmu dan kemasyarakatan. Namun teori-teori sebegini dikatakan bersifat kaku, beku sederhana, seragam dan tidak boleh diganggu gugat oleh

mana-mana metodologi lain dalam memahami setiap permasalahan, oleh itu ia telah ditolak oleh Paul Feyeraband, seorang pascamodenis yang terkenal.⁶²

Kesederhanaan teori-teori besar ini telah membuka peluang kepada golongan pascamodenis untuk mengkritiknya. Contohnya dalam teori Max Weber berhubung dengan hubungan etika protestan dan kapitalisme hanya sesuai untuk masyarakat Eropah sahaja, namun pendekatan Max Weber ini telah digunakan oleh Robert Bellah dalam memahami masyarakat Jepun yang terikat dengan nilai budaya Budhisme. Ternyata metodologi Weber berkesan namun persoalan tetap timbul apakah Budhisme di Jepun tidak sama dengan Budhisme di Thailand, Vietnam, Kampuchea dan Sri Langka?⁶³.

Persoalan yang sama juga turut melibatkan bidang fizik. Ini dibuktikan dengan sikap Heisenberg yang mempersoalkan tentang ketepatan aliran arus proton-elektron dan hujah-hujah yang menyokongnya.⁶⁴ Sikap para ahli pascamodenis ternyata sentiasa tidak menyenangi dan sentiasa mendekonstruksi teori-teori dan metodologi-metodologi sebelumnya khususnya '*The Grand Theory*' yang lahir dalam zaman modenisme. Sama seperti bidang fizik, sastera, agama dan bidang sosial juga turut diragui oleh golongan ilmuan pascamoden.

Segala pendekatan, teori atau metodologi yang digunakan dalam mengkaji ilmu-ilmu ini telah didekonstruksi oleh mereka. Lantaran itu mereka mempersoalkan apakah wujud sastera yang baik atau unggul?. Jika ada sastera yang baik, apakah kriterianya?. Apakah sastera yang lebih banyak

melibatkan golongan istana atau bangsawan?, atau yang lebih mendekati golongan rakyat bawahan?.⁶⁵

Bagi golongan pascamodenis, mereka tidak bersetuju untuk meletakkan garis noktah yang mengatakan sastera istana yang dikatakan terbaik kearah pada mereka sastera rakyat juga ada nilai keunggulanya. Lantaran itu bagi golongan pascamodenis budaya berpeleseran juga dikatakan mempunyai nilai seninya yang tersendiri yang menyulitkan lagi para ilmuan atau para pemikir untuk menentukan garis atau batas had sesuatu bentuk ilmu atau budaya manusia.

Seterusnya para protagonis pemikiran pascamoden tidak menyakini kesahihan konstruksi yang telah disusun oleh pemikir modenis. Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, mereka merasa sangsi terhadap segala teori-teori modenis yang dikatakan tidak dapat melihat sesuatu permasalahan itu dengan lebih rumit dan jauh. Mengambil contoh bidang sosiologi ciptaan modenisme, golongan pascamoden mempersoalkan batas ketentuan yang digariskan oleh golongan modenis.

Era modenisme, kecenderungan sikap beragama dikatakan satu gejala dan satu pengalaman yang bersifat individual. Pengalaman ini telah dipisahkan dari segala aspek kehidupan termasuk politik. Bagi mereka usaha untuk mengaitkan kehidupan beragama dan kehidupan berpolitik dianggap satu malapetaka yang mesti dielakkan.

Fenomena ini telah mendorong golongan pemikir pascamoden untuk mempersoalkan kerancakan pertumbuhan minat manusia dalam memahami agama dan mengaplikasikan agama dalam kehidupan contohnya Islam. Bagi pemikir pascamoden, skop dan pandangan beragama oleh golongan modenisme sudah terkebelakang kerana mereka tidak dapat memecahkan persoalan yang timbul yang dinyatakan diatas. Inilah dekonstruksi pascamoden dalam hal keagamaan walau pun jika dilihat secara mendalam wujud penentangan keras dari pihak mereka terhadap perkembangan agama khususnya Islam.

Era pascamoden, ingin dilihat segala fenomena sosial, agama dan hal-hal yang berkaitan Ringkasnya dalam konteks pascamoden mereka enggan menerima sesuatu titik mutlak atau garis penentuan dan pemisahan sesuatu perkara. Bagi mereka setiap perkara boleh dipertikaikan dan dipersoalkan dan disusun semula supaya lebih relevan bagi memahami kenyataan masyarakat dan realiti beragama. Inilah yang dikatakan dekonstruksi atau pembongkaran yang diperkenalkan oleh Derrida.

Bagi ahli-ahli falsafah pascamoden yang fanatik dengan dekonstruksi, mereka gemar menggunakan metafora dalam membuat sebarang pendekatan atau penyelesaian terhadap sesuatu perkara. Samada melibatkan pembacaan

teks atau gambar. Ia juga seumpama sebahagian daripada teks. Sepertimana yang telah dinyatakan oleh Gayatri Spivak:⁶⁶

'If in the process of deciphering a text in the traditional way we come across a word that seems to harbour an unresolvable contradiction, and by virtue of being one word is made sometimes to work in one way and sometimes in another and thus is made to point away from the absence of a unified meaning, we shall catch at that metaphor. We shall follow its adventures through the text coming undone as structure of concealment, revealing its self-transgression, its undecidability.'(dipetik dari Madan Sarup,1993:50)

Pascamoden meletakkan fokusnya kepada persoalan bahasa dan falsafah bahasa. Jika sebelum ini Marx telah meletakkan persoalannya kepada sejarah dan falsafah sejarah dan era modenisme persoalan ditumpukan kepada logik dan realistik. Bagi era pascamoden pula, persoalan bahasa amat penting kerana bahasa dikatakan sebagai alat komunikasi manusia dan mengungkapkan hal ehwal di luar dirinya. Di sini mereka menyatakan peranan metafora sebagai inti segala kegiatan bahasawi yang secara timbal balasnya mengemukakan liok lentok retorika asalkan dialektika dapat diangkat menjadi satu prioriti dalam pengertian cara berfikir filosofis yang logis dalam berargumentatif tegas.

S.M.Zakir dalam rencananya yang bertajuk 'Pascamoden Menentang Kapitalisme' menjelaskan bahawa dari sudut kacamata pascamoden, bahasa akan berkembang dan membangunkan pemikiran kritis yang bersifat dekonstruksi terhadap birokrasi, penguasaan, politik, perencanaan pengeluaran

dan teknik pemasaran yang pada dasarnya dianggap oleh pascamoden sebagai gejala berkecamuk dan kabur yang menganggap prinsip identiti sebagai utama dalam membaca dunia orang lain. Pascamoden telah mengangkat pemikiran Nietzsche yang bertunjangkan kepada "bangkit melalui penyamaan apa yang tidak sama."⁶⁷

Menurut Foucault metafora boleh membantu kita memahami dengan lebih mendalam setiap bidang yang difikirkan. Ia menjadi penting kerana ia dapat membentuk gaya pemikiran pemahaman dan setiap perbuatan kita mudah difahami. Oleh kerana itu Foucault yang dipetik (Madan Sarup, 1993) menjelaskan, "*through metaphor we can have an increased awarness of alternative possible worlds*".⁶⁸

Dalam konteks epistemologi dekonstruksi pascamodenisme, empat perkara telah ditekankan iaitu *foundationlessness*, *fragmentariness*, *constructivism* dan *neopragmatisme*. *Foundationallessness* merupakan pengetahuan yang terhasil daripada penafsiran kognitif yang boleh dirasai melalui pengalaman.⁶⁹ Contohnya seseorang itu bekerja mengendalikan sesuatu mesin atau jentera, apabila ia sudah serasi dengan tugasnya itu maka ia akan merasakan sesuatu pengalaman, seolah-olah ia yang bekerja bukan lagi mesin itu yang bekerja. Dan pengalaman ini akan dijelmakan dalam bentuk realiti kehidupanya.

Fragmentariness, merupakan konsep kedua dalam dekonstruktif. Konsep ini menekankan realiti bukanlah sesuatu yang unggul, tunggal dan statik. Sebaliknya ia merupakan satu sistem yang bersepadu yang dibentuk oleh serpihan-serpihan elemen dan peristiwa yang tiada kepastian. Baginya sesuatu pergerakkan atau perubahan itu berlaku hasil daripada tekanan daripada pelbagai sudut dari sesuatu tempat dan masa. Konsep penyerpihan ini penting dalam membezakan di antara lokasi dan situasi serta urutan dan masa.⁷⁰

Konsep ketiga yang ditonjolkan dalam dekonstruktif ini ialah *constructivism*. Konsep ini menekankan bahawa pengetahuan manusia bukanlah cermin kepada realiti, samada realiti kekacauan atau struktur yang universal. Pengetahuan manusia adalah satu bentuk pembinaan daripada proses kognitif (yang terjadi di luar kesedaran diri) dan penghayatan terhadap hasil tindak balas antara diri dengan objek-objek material. Ianya tidak ubah seperti gambar yang dihasilkan dari sesuatu objek. Jelasnya pengalaman manusia itu terdiri daripada interpretasi yang penuh dengan makna daripada sesuatu yang benar (*real*)⁷¹.

Akhirnya, konsep *neopragmatism* turut mewarnai dekonstruksi pascamoden. Konsep ini dikatakan hampir menyamai teori pengetahuan pragmatisme. Di dalam konsep ini, apa yang ditekankan adalah pemilihan manusia, di mana manusia bebas untuk memilih projek-projek yang telah sempurna dan bersedia untuk mencapai matlamatnya di dunia ini. Dalam kehidupan harian mereka, mereka sentiasa di dorong untuk melakukan apa-apa

yang ingin dicapai oleh mereka bukan bergantung dengan teori-teori ramalan. Konsep ini telah mengubah pandangan manusia daripada melihat '*theoretical knowledge*' dan '*knowing that*' kepada '*practical knowledge*' dan '*knowing how*'.⁷² Contohnya, memahami cara mengayuh basikal lebih penting daripada mengetahui apakah cara-cara terbaik untuk menentukan supaya basikal itu sentiasa berada dalam kondisi yang baik.

3.1.2 Relativisme

Relativisme, merupakan satu istilah yang digunakan untuk menggambarkan sesuatu perkara yang bersifat tidak tetap dan mutlak. Ianya boleh berubah mengikut suasana persekitaran.⁷³ Umumnya doktrin relativisme bertentangan dengan realisme, objektivisme, foundationalisme, rationalisme, absolutisme dan universalisme.⁷⁴ Gellner, seorang pakar antropologi sosial dari University Cambridge menjelaskan bahawa relativisme bersifat anti terhadap pandangan kebenaran yang tunggal dan aliran ini menjadikan subjektivisme sebagai satu alternatif untuk mengimbangi kesilapan-kesilapan dan segal kekaburuan persoalan yang lahir dalam relativisme.

Jika pluralisme menganjurkan kepelbagaiannya konsep berkaitan dengan kebaikan, umpamanya kebebasan individu dalam memilih atau menentukan cara hidupnya dalam sesuatu komuniti, maka relativisme dikatakan berpandangan lebih jauh dari itu. Baginya jika sesuatu konsep itu dikatakan baik maka ia adalah baik dan tidak perlu dipertikaikan lagi. Kadang kala sikap

dan pandangan relativisme ini tidak tepat dan pasti, malah boleh berubah-ubah mengikut kesesuaian kehendak diri individu.

Sikap relativisme yang dinyatakan di atas ternyata telah mendasari pemikiran pascamoden yang ternyata berbeza dengan para cendikiawan era modenisme. Golongan modenisme lebih cenderung dengan metod positivisme, yang melihat hukum-hukum alam dan hukum-hukum sosial yang bersifat universal, transenden, tepat dan mutlak serta dapat dikembangkan dengan akal fikiran. Misalnya Kant mempertahankan nilai-nilai moral yang bersifat universal-transenden tidak dapat dipengaruhi oleh faktor sosio-budaya persekitaran dan setempat⁷⁵.

Manakala John Locke pula dalam karyanya yang bertajuk *Essay Concerning Human Understanding* (1960) menjelaskan bahawa sifat manusia yang cekal dapat diselaraskan dengan alam semula jadi yang harmoni disekelilingnya. Locke membebaskan psikologi manusia daripada acuan agama dan mengisikanya dengan acuan sains yang diagung-agungkan ketika itu.⁷⁶

Agak berbeza keadaanya dengan Hegel, di mana beliau lebih menekankan faktor historis berbanding universal-transenden berhubung dengan fenomena alam. Pendekatan Hegel ini banyak mempengaruhi pemikiran di abad ke 20an khususnya dalam era pascamodenisme. Seterusnya faktor sosial budaya turut berpengaruh dalam penentuan tata nilai

yang berkembang dalam sesuatu kelompok masyarakat.⁷⁷ Contohnya pengertian perkataan '*crime*' (jenayah).

Umumnya di mana-mana tempat '*crime*' membawa pengertian yang sama iaitu jenayah, namun dalam budaya, pensejarahan dan material yang berbeza, '*crime*' kadangkala membawa maksud yang berbeza, contohnya ia juga diberi maksud kejahatan. Disebabkan perbezaan inilah para pemikir pascamoden lebih cenderung melihatnya sebagai relatif. Maksudnya dalam pola pemikiran pascamoden, segala perkara, hal dan makna adalah bersifat relatif. Contoh jika sesuatu jenayah kolar putih berlaku dalam wilayah yang berbeza yang melibatkan bangsa, negara, budaya dan ras yang berbeza maka pengertiannya juga turut berbeza.

Manifestasi pemikiran pascamoden dalam perkara-perkara berhubung dengan budaya, nilai, tradisi, agama dan kepercayaan amatlah jelas mirip dengan teori-teori yang dikemukakan oleh ahli-ahli antropologi. Menurut pandangan ahli antropologi, tiada budaya yang sama antara satu sama lain di dunia ini. Misalnya budaya Amerika sudah pasti berbeza dengan budaya Eropah. Apa tah lagi jika dibandingkan budaya Eropah dengan Asia sudah pasti banyak perbezaannya. Begitu juga cara memperaktikkan agama di Timur Tengah, walaupun ianya Islam namun ada bezanya dengan cara mempraktiskanya di Asia Tenggara.

Jelasnya nilai-nilai budaya ini amat beragam dan tidak tepat seperti matematik untuk dinilaikan, sesuai dengan latar belakang sejarah, geografi,

demografi dan sosio-budayanya. Maka amat tepatlah menurut pascamoden ia dikatakan relatif. Walau pun sesuatu budaya asing cuba diserapkan dalam sesuatu masyarakat setempat namun ketepatan penyerapannya tidakalah setepat sepetimana yang dipraktikkan oleh pengamal yang asal, sedikit sebanyak masih wujud kekuranganya. Contohnya jika bahasa Inggeris telah dipelajari dan dihayati oleh seseorang yang bukan berbudaya asal Inggeris, maka kekurangan atau kecacatan pasti berlaku, walaupun ia menyatakan sudah ada kemahiran padanya untuk menguasai bahasa tersebut. Begitu juga halnya dengan pengalaman beragama, menurut pascamodenisme, pengalaman beragama dalam budaya yang berbeza ia dikatakan subjektif bukan objektif.

Ketegasan ini disuarakan oleh pascamoden lantaran latar belakang pengalaman agama seseorang itu adalah berbeza berdasarkan kelainan latar belakang keluarga, pendidikan, ekonomi, persekitaran dan sebagainya. Oleh kerana itu pascamoden begitu kritis terhadap sebarang huraian atau penjelasan yang berbau objektif, matematis, mutlak dan universal seperti yang terkandung dalam pola pemikiran modernisme.

Jika diteliti pola pemikiran pascamoden ini, ia hampir menyamai dengan pemikiran al-Ghazali di abad pertengahan⁷⁸. Dengan penghujahan yang sedikit berbeza, al-Ghazali sama sekali tidak percaya wujudnya nilai-nilai moral yang bersifat rasional-universal-mutlak. Menurutnya segala nilai telah ditentukan oleh wahyu dan segala perbuatan manusia terangkum di dalam peraturan-peraturan syariat.

3.1.3 Pluralisme

Boleh dikatakan dimensi pemikiran pascamodenisme adalah pelbagai. Seperti yang telah dinyatakan di atas, selain dari bersifat relativisme dan dekonstruksi ia juga bersifat pluralisme. Percampuran, pergabungan dan hubung jalin antara satu bentuk pemikiran dengan pemikiran yang lain yang lahir dari berbagai bangsa dan budaya, maka wujudlah satu bentuk pemikiran yang dikatakan pluralisme. Pluralisme juga adalah satu bentuk pemikiran menganjurkan kepelbagaian konsep berkaitan dengan kebaikan, umpamanya kebebasan individu dalam memilih atau menentukan cara hidupnya dalam sesuatu komuniti.⁷⁹ Pluralisme juga bersikap mengambil segala bentuk kebarangkalian atau kemungkinan dan akan menyusunya bagi membentuk kepelbagaian konsep khususnya yang menjuruskan ke arah kebaikan.

Sehubungan dengan perkara itu ahli-ahli pluralisme sentiasa memikirkan untuk membentuk satu adunan yang bijak hasil penyatuan di antara institusi politik dan sosial agar dapat membentuk satu penempatan yang pelbagai dan harmoni. Lantaran itu wujudlah pluralisme budaya, pluralisme agama, pluralisme teknologi dan sebagainya yang tersebar luas dalam masyarakat . Yang jelas pada hari ini ciri-ciri pluralisme ini begitu pesat berkembang dan berpengaruh dalam nilai budaya dan hiburan. Contohnya hedonisme merupakan satu bentuk budaya dan corak hiburan yang di dalamnya terkandung pelbagai ragam rentak dan dimensi yang umumnya dilihat telah melebihi batasan nilai manusia sebenar.

Hari ini hedonism begitu berani memperjuangkan ideologi mereka keseluruh dunia. Produk-produk hedonistik ditonjolkan melalui budaya hiburan untuk meruntuhkan pemikiran murni masyarakat di dalam segenap aspek termasuk sistem nilai, persoalan nilai, persoalan moral dan akhlak, kejantinaan, hubungan lelaki dan wanita, politik, kepelbagaian budaya, feminism, perkauman dan sebagainya. Manifestasi wacana feminism pascamoden telah membawa satu bentuk pemikiran bahawa wanita boleh menggunakan fizikal mereka sebagai komoditi untuk mendapatkan pengaruh, kedudukan, kuasa, glamour, kebenaran, kemuliaan dan keseronokan. Segala falsafah dan estetika hedonism ini telah diperjuangkan oleh gerakan yang muncul khusus untuk memperjuangkan hak-hak wanita dan persamaan tarafnya dengan kaum lelaki. Wadah perjuangan mereka telah disemarakkan oleh kegiatan-kegiatan sosial oleh pergerakan '*women's liberation*' dan '*feminism*'.

Untuk merealisasikan ideologi ini, kumpulan hedonis dunia telah mendirikan pusat-pusat rekreasi sendiri yang dikenali sebagai *Hedonism Resort*. Ia telah membuka ahlinya kepada sesiapa yang berminat diseluruh dunia. Motif pembinaan pusat-pusat peranginan ini adalah semata-mata untuk melayani nafsu kegilaan kaum '*bisexual*', *lesbian* dan '*bi-curious ladies*'. Di sini telah disediakan dengan berbagai-bagai aktiviti yang bermotifkan keseronokan hawa nafsu. Keseronokan dan kepuasan yang tidak berpenghujung ini secara sengaja telah menyemarakkan lagi kelahiran kumpulan-kumpulan '*lesbian*' dan '*gay*' yang lebih cenderong melakukan hubungan sex secara rambang. Antara lokasi pusat peranginan Hedonisme ini

ialah di Las Vegas, Runway Bay Jamaica dan Grand Lido Sans Souci di kepulauan Caribbean. Motto pusat peranginan ini ialah ;

'In this lush garden of playfull passion, pleasure comes in many forms, choose one, or two or more. You can lose your self. Stay up all night dancing to throbbing beat of reggae, sleep till noon. Start breakfast with a plunter's punch, eat what and when you want. Swim and sun bathe. After a week at Hedonism Resort, you will view the world from a slightly different angle. You'll be tanned and relaxed. And at times you'll find yourself smiling for no reason whatsoever. Because there is no place on earth quite like Hedonism Resort'.⁸⁰

Kesan dari kegiatan yang menjijikan ini tidak hairanlah terlalu banyak kes-kes yang melibatkan kebebasan seks dilaporkan seperti Aids, penyebaran HIV dan siplis. Kumpulan-kumpulan gay, lesbian, homoseksual, persatuan pelacur begitu berani menyatakan hasrat mereka untuk beraktiviti, menubuhkan kelab berpersatuan dan sebagainya. Hari ini hedonism benar-benar telah menjadi satu budaya hedonistik yang liar, kotor dan sentiasa meruntuhkan nilai moral dan akhlak manusia. Nilai budaya yang liar dan sentiasa di agong-agongkan ini telah disebarluaskan keseluruh dunia dengan wadah "*western entertainment culture*". Ia bukan sekadar penerapan nilai budaya liar, malah ia juga bersifat komersial. Dari sudut perniagaan nilai budaya ini telah dijadikan artifik-artifik yang berharga seperti muzik, nyanyian, bahan bacaan, filem dan '*slide*'. Ia telah diniagakan di hotel-hotel, pub, kelab dan segala bentuk media cetak dan elektronik.

Kini budaya hedonistik lebih dikenali sebagai budaya barat pascamodenisme yang bersifat global. Selari dengan perkembangan

pascamodenisme hari ini budaya ini benar-benar dapat memenuhi wadah perjuangannya yang telah menyisihkan nilai-nilai murni seperti agama, budaya teradisi dan ketuhanan dalam kehidupan.

Berbagai acara dan program sentiasa di atur untuk memberi kepuasan ahli-ahli hedonisme khususnya yang dirangkakan di pusat Hedonisme III⁸¹, seperti program terbaru yang dirangkakan ialah majlis persandingan pengantin beramai-ramai secara berbogel. Melihat segala ungkapan ciri-ciri pluralisme ini ternyata amat sukar untuk mempertahankan paradigma tunggal dalam apa jua perbincangan berhubung dengan apa jua perkara.

Selanjutnya wujudlah segala perkara yang beraneka ragam yang perlu difahami dan didekati dengan cara '*multidimensional approaches*'.⁸² Seorang konservatif yang hidupnya tidak pernah mengganggu hak orang lain boleh menjadi seorang '*pluralist*' apabila ia sanggup menerima konsep kebaikan yang dianjurkan oleh golongan pluralis. Oleh kerana itulah golongan pluralis tidak memerlukan atau mensyaratkan sebarang perjanjian atau persetujuan berhubung dengan ketentuan moral kecuali berhubung dengan nilai yang mendasari sikap toleransi.⁸³ Golongan pluralis menyarankan agar kerajaan sesebuah negeri itu dapat membentuk satu rangka kerja yang betul agar dapat menjamin setiap individu dan komuniti dapat hidup bersama dan mencapai setiap apa yang dihajati oleh mereka.

Hari ini segala fenomena yang berlaku di hadapan kita seperti budaya, pemikiran, agama, keluarga, bahasa, ekonomi, sosial, pendidikan, ilmu pengetahuan, bangsa, politik dan sebagainya adalah menampakkan wajah pluralistik. Dalam hubungan budaya tunggal seperti yang dikemukakan oleh modenisme pada hari ini sudah boleh dipersoalkan kewibawaanya. Era pluralisme ini sudah diketahui oleh berbagai bangsa sejak dahulu lagi namun ia tidak nampak sejelas hari ini. Kemajuan pesat dalam dunia perhubungan, komunikasi dan teknologi maklumat pada hari ini, menjadikan era pluralisme lebih pantas diperluaskan.

Richard Rorty , seorang pemikir pascamoden Amerika, dalam artikelnya "*On Ethnocentrism: A Reply to Clifford Geertz*"⁸⁴ (Richard Rorty,1991:202) mengemukakan bahawa konsep pencerahan atau 'enlightenment' yang menjadi fokus dalam era modenisme dalam usaha mencari kebenaran, dan satu-satunya kriteria moral adalah sudah tidak bersesuaian lagi digunakan dalam era pluralisme dan globalisasi kerana ia tidak dapat lagi berhadapan dengan pergeseran superstruktur sosial yang besar-besaran akhir-akhir ini. Beliau menambah para borjuis liberal pascamoden tidak lagi menganggap kepercayaan dan keinginan ke arahya sebagai satu keharusan atau bersifat fitrah atau alamiah seperti mana yang dianggap oleh pendokong falsafah pencerahan.

Bagi Rorty pluralisme merupakan salah satu kondisi yang wujud dalam pascamoden selain daripada kondisi perundingan dan percambahan pelbagai budaya sosial. Seterusnya ia dianggap sebuah kekuatan besar dalam

penciptaan perbezaan dengan pengaruh era yang lepas iaitu modenisme. Lanjutan daripada membicarakan sifat pluralisme, secara tidak langsung ia telah memberi jawapan bahawa terdapat satu jurang yang membezakan pascamoden dengan isme-isme yang lain khususnya modenisme.

Pascamoden bersifat menolak kehidupan manusia universal sebaliknya ia menganggap manusia itu adalah pusat segala kehidupan. Rorty menyarankan agar setiap individu dan sesuatu kebudayaan itu hidup secara beriringan antara satu sama lain tanpa mencampuri konsep kebaikan moral antara satu sama lain. Masing-masing hidup dan berkembang di atas nilai dan norma masing-masing. Sehubungan dengan ini Rorty telah menolak amalan rasisme dan etnosentrisme dalam kehidupan masyarakat.⁸⁵ Usaha Rorty seolah-olah menampakkan ke arah keharmonian dunia, maksudnya beliau cuba mengharmonikan semua budaya yang wujud di dunia ini dengan cara memberi pertimbangan kepada budaya-budaya lain seperti Timur, China dan India selain dari budaya Barat.

Rorty juga cuba mendekonstrusikan landasan falsafah barat dan membina budaya yang lebih toleran. Jika dibandingkan antara Rorty dan Edward Said, seolah-olah wujud persamaan antara keduanya, walau pun kedua-duanya datang dari blok dunia yang berbeza. Said dari Timur manakala Rorty dari dari barat. Namun persamaan yang dimiliki ialah Said begitu lantang menyuarakan bahawa budaya hegemonik barat boleh digugat oleh kebudayaan lain khususnya dari timur, manakala Rorty pula berani mengatakan bahawa tidak semestinya budaya barat itu bertunjangkan

rasionaliti universal semata-mata, bahkan ia boleh disisipkan nilai-nilai norma-norma tradisi timur.⁸⁶

3.2 Ciri-Ciri

3.2.1 Anti-Realis

Anti-realism adalah satu karektor yang menentang realiti, wujud dalam falsafah pascamoden. Ia berhubung kait dengan sains atau ilmu kerana ia membicarakan tentang kehidupan, perhubungan dan rangka kerja. Usaha keras sains untuk menjawab dan memberi gambaran sebenar terhadap apa yang dipersoalkan adalah dianggap satu perkara biasa. Karektor ini dikatakan lahir dari kekeliruan golongan pascamoden dalam dua perkara iaitu epistemologi (perkara yang menyentuh faham ilmu) dan ontologi iaitu faham yang berkait dengan hakikat yang ada.⁸⁷

Manakala realiti pula dimaksudkan dengan proses dialektik yang meliputi pertentangan, penyangkalan dan perantaraan yang terjadi secara realiti bukan abstrak. Proses dialektik ini adalah objektif. Contohnya perdamaian bukan sekadar perpaduan yang statik bahkan satu perjuangan yang berterusan dan ia suatu yang realiti. Oleh itu realiti itu juga merupakan satu proses daripada penyataan akal budi manusia yang telah mencapai kesempurnaannya dalam roh mutlak. Sepertimana yang dijelaskan oleh Hegel mengenai realiti yang dipetik daripada (Magnis, 1979, hal:76) menjelaskan :

'Bukan suatu yang statik, ia bulat, suatu "jisim", melainkan berkembang, mengasingkan diri, menemukan diri kembali, menyedari diri melalui taraf-taraf dialektik yang semakin mendalam realiti itu "subjek". Di belakang realiti alam manusia dengan masyarakat dan pemikiranya berlangsunglah "proses" pernyataan diri roh alam semesta.'⁸⁸(Sindhunata,1993,hlm:38)

Hegel menjelaskan manusia yang akal budinya telah mencapai kesempurnaan dalam roh perlu perkembang. Ini semua terjadi dalam dunia yang objektif. Secara ringkas dapat dikatakan bahawa dalam usaha menyatakan dirinya ternyata manusia perlu berdepan dengan dunia yang objektif yang berada di luar dirinya. Dunia di luar dirinya ini amat perlu baginya untuk menyatakan dirinya. Dunia ini tidak boleh dihapuskan kerana jika dihapuskan bermakna diri manusia itu juga turut dihapuskan.⁸⁹ Persoalanya bagaimanakah manusia boleh berdamai dengan dunia yang objektif ini? Di sinilah terletaknya peranan pekerjaan manusia. Di mana dengan pekerjaan manusia dapat memanusiakan objek-objek yang wujud dalam alam objektif.

Asalnya diri manusia begitu terasing dengan pekerjaanya, tetapi ia terpaksa mengeluarkan dirinya yang sebenar dan menyatukan dengan pekerjaannya dan memanusiakan pekerjaannya dalam usaha untuk menyatukan pekerjaannya dengan dirinya agar kesedaran diri tidak luput. Proses ini berlaku dengan realiti dan inilah yang dikatakan proses dialektik sebagai realiti yang nyata.⁹⁰ Jelasnya pekerjaan manusia adalah jambatan penghubung antara manusia dengan alam objektif dan bertangungjawab untuk mendamaikan kedua-dua unsur tersebut. Dengan ini manusia akan lebih memahami dirinya serentak dengan alam lingkungan dirinya. Hasilnya

dengan wujudnya kefahaman dan perdamaian itu diri manusia akan diangkat ke martabat yang lebih tinggi kerana ia telah dimanusiakan oleh manusia tersebut.

Kebanyakan pemikir pascamoden menafikan kewujudan realiti secara objektif. Mereka yang terdiri daripada Rorty, Loytard, Derrida dan Foucoul d dengan pelbagai cara dalam tulisan mereka menyatakan bahawa realiti atau hakikat sebenar yang ada dalam kehidupan adalah lebih kompleks daripada apa yang kita fikirkan. Realiti bukannya wujud di luar diri kita yang kemudian digambarkan dalam fikiran kita. Realiti adalah ciptaan manusia. Sebahagian daripada pascamodenis berpendapat realiti hanyalah sesuatu yang dibina oleh kesedaran manusia. Ia dibentuk mengikut keperluan, minat, prasangka dan tradisi budaya kita.⁹¹

Seterusnya wujud golongan pascamodenis yang melihat realiti dari sudut kontekstual, yakni ia adalah hasil proses dalam konteks tertentu. Mereka yang lebih skeptikal , seperti Derrida melihatnya hanya sebagai konvensi bahasa.⁹² Baudrillard menyatakan realiti hanyalah '*'simulcra'*', iaitu imej tanpa realiti asal.

Sehubungan dengan ini Baudrillard menjelaskan Baginya realiti sebenar tidak wujud, yang wujud adalah '*'simulcra'*' dan imej inilah yang telah disebarluaskan kepada manusia sejagat oleh kecanggihan teknologi informasi terkini seperti televisyen. Menurutnya lagi, dalam dunia informasi hari ini manusia telah dibebani dengan timbunan informasi yang kehilangan makna.

Yang wujud adalah '*simulcra*'. Berpegang kepada pendirian sebeginilah, Baudrillard tidak mempercayai berlakunya perperangan antara Amerika dan Iraq walau pun terbukti ribuan rakyat Iraq telah terkorban.⁹³

Pendirian aneh golongan pascamoden ini jelas ditentang hebat oleh Christoper Norris, dan perdebatan antara kedua mereka ini dapat dilihat dalam Norris, *Uncritical Theory : Postmodernism, Intellectual and the Gulf War, 1992*. Keanehan sikap dan pandangan golongan pascamoden ini sebenar lebih awal dilihat melalui penulisan Nietzsche dalam karyanya *Twilight of the Idols* (1988), ia berkata :

*'The true world - we have abolished. What world has remained?. The apparent one perhaps? But no! with the true world we have also abolished the apparent one.'*⁹⁴(Salleh Yaapar,1996,hlm:32)

Pandangan dan sikap pascamodenisme terhadap realiti amatlah merbahaya jika ditinjau dari sudut keagamaan, kerana penafian terhadap realiti itu turut memaksudkan penafian terhadap kehidupan manusia. Jika realiti dihapuskan maka manusia juga akan terhapus. Jika dilihat dari sudut Islam secara khusus, penafian sebegini akan menjadikan manusia mensiasakan misi kehidupanya kerana mereka tidak perlu berusaha untuk meningkatkan taraf kehidupan dan keimanan mereka kepada Allah.

3.2.2 Permainan Bahasa

Dalam Pascamoden, bahasa tidak mewakili pengalaman, sebaliknya membentuk pengalaman. Perantaraan bahasa penuh dengan ruang-ruang kosong yang menyebabkan teks itu kosong daripada kontingen tertentu yang mengakibatkan ketidaksampaian maknanya. Lyotard menegaskan dalam dialog Socrates, Plato melihat Socrates menggunakan kecekapanya untuk menetang realiti "*butcher who cuts the meat along the articulation of the bone with those who hack at random.*"⁹⁵ Wujudnya klasifikasi dalam bahasa adalah perkara biasa yang tiada sebarang makna. Dengan itu Lyotard menjelaskan (Micheal Foucault,1972):

*'...we separate "narrative and scientific knowledge," because the instrumental or practical success of the sciences provides a basis for agreement and consensus that cannot occur in the narrative accounts, for which Lyotard offers the relativity of "language games".'*⁹⁶ (Steven Seidman,1992)

Ferdinand de Saussure seorang berbangsa Swiss dan merupakan pakar linguistik , menjelaskan bahawa bahasa adalah perantaraan yang bersifat neutral untuk menjelaskan tentang alam. Baginya bahasa ini hanyalah sebagai cermin kepada minda untuk bercakap tentang alam. Makna tentang alam itu akan lahir apabila ada hubungan antara perkataan dengan konsep dan konsep dengan alam, di sinilah tersimpulnya makna sesuatu identiti yang diperkatakan⁹⁷. Contohnya perkataan manusia diucapkan, ia akan wujud dalam bentuk minda sahaja jika tidak dihubungkan kepada konsep manusia itu

sendiri, tetapi jika ia dihubungkan kepada konsep manusia itu, maka akan muncullah manusia sebenar.

3.2.3 Kematian Subjek

Kematian subjek (*the death of subject*), merupakan salah satu daripada ciri yang paling menonjol dalam pemikiran pascamoden.⁹⁸ Konsep ini menekankan bahawa manusia sebenarnya tidak mempunyai kesedaran dan keinginan yang jitu seperti yang difahami dalam pemikiran moden. Jelasnya keupayaan diri manusia untuk berfikir, berusaha, berkeinginan dan bekerja telah luput. Kefahaman ini bukanlah timbul di akhir-akhir abad ini, bahkan ia telah muncul sejak abad ke 19 lagi. Ketika iatu ia diutarakan oleh Segmund Freud yang sudah menganggap kesedaran manusia tidak utuh atau sepadu, sebaliknya ia berpecah-pecah dan saling bertelagah.

Pendapat Segmund Freud ini telah disokong oleh Nietzsche yang mengatakan subjek yang utuh adalah satu fiksyen semata-mata. Di abad ke 20an pula muncul lagi tokoh yang menguatkan idea kematian subjek ini iaitu Claude Levi-Strauss, seorang pengasas strukturalisme yang menolak pandangan yang mengatakan adanya kesedaran pada diri manusia atau subjek. Untuk memahamkanya tentang kejadian manusia, Strauss lebih mudah menggunakan ekspresi budaya dan hal keadaan strukturnya.

Dalam penulisannya yang bertajuk *The Savage Mind*, Strauss yang dipetik daripada (Steven Seidman, 1992) menjelaskan tujuan akhir penyelidikannya bukanlah '*to constitute man, but to dissolve him.*'⁹⁹ Usaha Strauss ini didokong pula oleh Derrida yang berkeyakinan bahawa subjek adalah satu konstruksi. Sepertimana yang telah dijelaskan, Derrida merupakan pelupor pemikiran dekonstruksi yang wujud dalam pemikiran pascamodenisme. Baginya subjek dalam pemikiran kesusasteraan tidak dapat membentuk makna. Ini kerana dalam mana-mana usaha pembinaan makna hasrat hati si subjek dengan pelaksanaanya, lazimnya ia tidak selaras.

Sikap dan pandangan Strauss ini pula disokong oleh Roland Barthes melalui bukunya yang bertajuk *Images Music, Text* (1977) dengan mengisyiharkan kematian pengarang (*the death of the author*). Pengarang yang dimaksudkan adalah subjek atau manusia. Pemikiran pascamoden menjadi bertambah celaru dan kukuh dengan pandangan-pandangan yang kabur apabila Foucault juga mengatakan kewujudan pengarang hanyalah satu kesan daripada wacana dan satu fenomena atau unsur rekaan moden. Menurutnya konsep pengarang tidak wujud dalam masyarakat primitif dan tradisional.¹⁰⁰

Apabila subjek telah dimatikan golongan pascamoden telah mengantikanya dengan individu pascamodenis. Individu ini dikatakan tidak mempuanyai hala tuju yang jelas, tiada pendirian, tiada keinginan, tiada kesedaran dan tidak bertanggungjawab untuk mencari kebenaran.¹⁰¹ Mereka hanya cenderung kepada sesuatu yang bersifat sementara semata-mata.

Mereka melihat dunia hari ini penuh dengan kacau bilau dan sinis. Oleh itu sikap dan pandangan mereka juga adalah sinis. Inilah satu sikap nihilisme yang sempurna.

Justru itu kematian subjek tidak boleh dilihat secara dalam segala hal dan bidang kehidupan kerana ia akan membawa implikasi yang buruk pada masyarakat. Contohnya subjek di sini ia boleh dirujukan kepada Tuhan jika ia dilihat dari aspek agama dan budaya jika dihat dari aspek kemasyarakatan. Dalam perkembangan sejarah barat, isu kematian subjek merupakan klimaks perkembangan logikal daripada kematian Tuhan dalam kesedaran dan kehidupan manusia moden seperti yang diisyiharkan oleh Nietzsche dalam karyanya '*Thus Spake Zarathusra (1883-85)*'.¹⁰²

3.2.4 Penafian Terhadap Naratif Besar dan Kebenaran

Seperkara lagi yang menjadi ciri atau prinsip utama pascamodenisme ialah penafian terhadap naratif besar (*grand meta narrative*). Berkait rapat dengan konsep ini ialah kewujudan kebenaran di dalamnya. Jika naratif besar ditolak, bermakna kebenaran (*truth*) juga ditolak. Konsep naratif besar ini telah dihadirkan oleh semangat zaman kesedaran (*enlightenment*) dan ia merupakan satu bentuk program modenisme yang mengagungkan logik akal manusia.

Jean-Francois Lyotard dalam bukunya *The Postmodern Condition* yang menjadi *locus classicus* menempatkan pascamoden di dalam motto *Incredulity toward metanarrative*¹⁰³ (ketidakpercayaan terhadap metanaratif). Di sini dapatlah dikatakan bahawa metanaratif dimaksudkan dengan segala yang bersifat meta, iaitu di luar jangkauan fenomena dan merupakan suatu yang noumena. Ia menyangkut falsafah, agama dan segala yang bersifat doktrinal. Sehubungan dengan perkara ini Lyotard (Lyotard,1984) yang dipetik dari (Kvale,1992) menjelaskan bahawa :

*'The grand narrative of the modernist program assume a logical and ordered universe whose laws could be uncovered by science. As the knowledge of these laws accumulated, it could be used to benefit humankind and eventually lead to the emancipation of humanity from poverty, sickness, class and servitude.'*¹⁰⁴(Kvale,1992)

Konsep ini juga merupakan satu bentuk pandangan dunia (world view) berhubung dengan kebenaran yang merangkumi segala bentuk nilai seperti moraliti, undang-undang, agama, agama, nilai, tradisi, sejarah dan faham-faham lain seperti sosialisme, positivisme, strukturalisme dan lain faham yang tidak disetujui dan diragui oleh pascamodenisme.¹⁰⁵ Konsep ini berteraskan kepada kemajuan sains dan teknologi serta berpandukan kepada rasional manusia.

Dalam hal yang berkaitan, Foucault begitu yakin tiada ilmu dan pandangan dunia yang menyeluruh yang dapat menerangkan tentang manusia dan kemanusiaan kerana dalam sejarah manusia tidak wujud kesinambungan dan rasionaliti hubungan antara ilmu dan manusia. Baginya kewibawaan dan

kebenaran sesebuah ilmu adalah bergantung kepada kekuatan wacananya dan ilmu ini sentiasa berada dalam lingkaran kekuasaan Baginya ilmu dan kekuasaan tidak dapat dipisahkan kerana pada ilmu adanya nilai, hanya mereka yang berkuasa sahaja yang dapat mencipta ilmu dan mengembangkannya.¹⁰⁶

Foucault seterusnya menjelaskan bahawa ilmu hanyalah omongan kosong kerana yang mendasari diri manusia adalah naluri yang berkehendakan kekuasaan. Kekuasaan inilah yang membentuk ilmu dalam diri manusia bukan ilmu yang membina kekuasaan.¹⁰⁷ Foucault menganggap makna dan kebenaran terbenam dalam bahasa dan wacana. Jelas daripada apa yang dinyatakan di atas, pemikir pascamodenisme samada Foucault atau Derrida dan lain-lainnya telah menafikan kedudukan dan peranan naratif besar. Malah dalam keadaan tertentu naratif besar ini dikatakan bersifat hegemonik.

Pandangan Foucault menjadi kukuh dengan terbuktiannya penguasaan sains dan demokrasi liberal dalam ilmu pengetahuan dan order dunia baru. Hakikatnya naratif besar dikatakan dapat meminggirkan naratif-naratif lain yang belum berjaya mempunyai kedudukan yang kukuh. Bagi pascamodenisme keyakinan naratif besar ini dikatakan wujudnya unsur angkuh dan zalim, oleh itu jika naratif besar ini diterima bermakna nilai kesombongan, keangkuhan dan kezaliman turut diterima.

Sebagai alternatif menggantikan naratif besar yang disingkirkan, golongan pemikir pascamodenisme telah mewujudkan naratif kecil yang dikatakan sebagai satu ilmu yang tidak menyeluruh dan tuntutanya terhadap

kebenaran adalah terhad dan kontekstual. Ini termasuklah mitos, lagenda, percakapan sehari-hari dan memori. Jelasnya bagi pemikir pascamodenisme, sesuatu ilmu boleh diterima jika ia membuat tuntutan kebenaran yang terbatas dan relatif. Sebaliknya apabila sesuatu ilmu menganggap dirinya serba lengkap dan membuat tuntutan universal dan mutlak, ia akan ditolak.

3.2.4 Ketiadaan Makna

Seperti ciri-ciri yang lain, ketiadaan makna juga adalah ciri penting dalam pascamoden. Ciri ini berkait rapat dengan ciri-ciri sebelum ini. Apabila tiada kebenaran dan rasionaliti, tiada ilmu, peranan bahasa sebagai satu perantaraan meragukan, realiti tidak wujud, maka ia akan membawa kepada tiada makna dalam dunia. Levi Strauss telah meremehkan makna kerana ia lebih mementingkan struktur dalam kajianya.

Kecenderungan ini telah menjadi ikutan yang kuat oleh pemikir pascamoden. Derrida mematikan peranan bahasa memperolehi makna dalam satu-satu fenomena. Makna dalam bahasa tidak akan memberi makna yang sama dalam satu konteks dengan konteks yang lain. Ia akan diubahsuai oleh rantai isyarat-isyarat yang berselirat yang akhir akan sampai ke satu makna yang buntu.¹⁰⁸

Foucault pula begitu sangsi dengan kemampuan manusia untuk mendapatkan makna yang universal. Pencarian makna baginya adalah satu

struggle. Makna akan sampai kepada seseorang dengan cara mereka membaca sesuatu teks. Kekuatan sesuatu wacana ditentukan oleh hubungan kuasa (*power relation*), dominasi dan konflik.¹⁰⁹ Apabila tiada makna dalam kehidupan jadi apa yang tinggal dalam perjalanan hidup ini. Ia adalah satu konflik yang berterusan oleh dunia moden yang masih tidak menemui makna dalam hidup ini.

Pandangan Foucault hidup dalam dunia moden adalah satu *progress* yang tidak mempunyai tujuan abadinya. Oleh itu tidak hairan, pemikiran pascamoden muncul dari dunia moden kerana teras dan asasnya telah pun dipupuk oleh dunia moden. Sebagai seorang strukturalis, Levi-Strauss, telah meremehkan makna dalam setiap kajianya kerana ia lebih mementingkan struktur. Sikapnya ini telah membuka jalan kepada Derrida yang mempopularkan dekonstruktif.

Derrida menegaskan makna sesebuah teks tidak dapat ditentukan. Baginya teks tidak memberi apa-apa makna kecuali mainan tanda yang berpanjangan, seperti mana yang ditegaskannya di dalam *Of Grammatology* (1976,158) yang dipetik daripada Salleh Yaapar berbunyi '*The text is all and nothing exists outside it*'¹¹⁰. Secara luaran, sesuatu teks itu mempunyai hubungan dengan teks-teks lain dan bersifat menyeronokkan tidak berkesudahan. Sehubungan dengan hal ini, Derrida mengeskan bahawa makna juga tidak dapat ditentukan oleh pengarang kerana pengarang telah mati.

Berbeza dengan pendapat di atas, pemikir pascamodenisme yang afirmatif menegaskan bahawa makna tetap wujud, namun ia bergantung kepada pendengar wacana atau pembaca teks. Entinya makna amat pelbagai atau banyak sifatnya sama seperti banyaknya bilangan pendengar dan pembaca. Makna yang tunggal sama sekali tidak wujud, sebaliknya makna yang wujud adalah makna yang dapat dikongsi bersama.

Seterusnya Akhbar S. Ahmad dalam bukunya *Postmodernism and Islam* turut menggariskan lapan ciri utama yang terkandung dalam pascamodenisme. Ciri-ciri tersebut akan saya ringkaskan seperti berikut :

- Timbulnya pemberontakan secara kritis terhadap projek modeniti, pudarnya kepercayaan terhadap agama yang bersifat transenden dan tradisional. Seterusnya memisahkan kemanusiaan daripada alam dengan cara mengahancurkan vertikaliti Tuhan-Alam-Manusia dalam tradisionalisme. Sebalinya apa yang diterima adalah kebenaran yang berasaskan kebenaran pluralisme-relativisme.
- Meledaknya industri media massa yang menyerap masuk sehingga ke urat saraf manusia. Media adalah nadi dinamika pascamoden. Kekuatan media massa telah mempengaruhi segala bentuk budaya dan tingkah laku manusia.
- Wujudnya radikalisme atau fundamentalisme etnik-agama. Lahirnya fenomena ini kerana manusia semakin ragu terhadap

sains, teknologi dan falsafah yang dinilai gagal untuk memberi kebebasan kepada manusia, sebaliknya ia lebih bersifat menindas.

- Wujudnya keterikatan dengan masa lalu, walau pun pascamodenisme bersifat memprotes masa lalu.
- Wujudnya jurang pemisahan antara bandar dan desa. Walau pun pascamoden dikatakan cenderung kepada demokrasi, namun ciri-ciri kelas tetap wujud yang mengakibatkan dominasi negara maju ke atas negara miskin berterusan.
- Bandar atau wilayah yang mengalami urbanisasi dan metropolis lebih difokaskan oleh pascamoden.
- Era pascamodenisme dilihat wujudnya perdebatan-perdebatan, subur dengan elektisisme (bauran falsafah) dan percampuran imej dan media.
- Penggunaan bahasa yang kabur, tidak mengandungi makna yang jelas dan konsisten. Lebih banyak paradoks.(Akhbar S. Ahmad,1992)¹¹¹

Umumnya bentuk pemikiran pascamoden begitu kabur dan keliru. Wujud pelbagai ragam gaya pemikiran yang tidak konsisten dan jelas. Sebaliknya apa yang dikatakan oleh para pemikir pascamoden sering kali menjadi pertindihan. Umpamanya jika sesuatu sikap yang cuba ditonjolkan oleh pascamoden yang bercirikan pertentangan dengan modenisme jelas ia berlaku disebaliknya. Contohnya walaupun ia cuba menafikan bentuk pemikiran yang lahir di era modenisme seperti positivisme, namun hakikatnya dalam pemikiran pascamoden, nilai ini tetap wujud